

22-07-2018

MOHAMMAD Hakimi memberi perharian mengenai misi dakwahnya kepada penduduk Orang Asli.



MOHAMMAD Hakimi bersama Nurul Atiqah dan As Sayyidah Sumayyah menaiki bot untuk berdakwah di Ulu Tembeling, Pahang.


D J Dolasoh
cnews@NSTP.com.my

Gerik

Sebuah keluarga giat menjalankan usaha berdakwah ke lebih sepuluh lokasi dalam negara tanpa menghiraukan pelbagai cabaran dan dugaan dihadapi.

Mohammad Hakimi Abdul Mutalib, 31, bersama isteri, Nurul Atiqah Nazaruddin, 30, dan anak mereka, As Sayyidah Sumayyah yang baru berusia setahun sudah menjelajah ke Perak, Pahang, Selangor, Sabah dan Sarawak untuk berdakwah.

Bagi keluarga ini, berdak-



JELAJAH DAKWAH

■ Sekeluarga ke lebih sepuluh lokasi tanpa hirau cabaran, dugaan kembang agama Islam

wah secara keluarga mendapat lebih perhatian dan keyakinan orang ramai termasuk Orang Asli dan pelbagai suku kaum di Sabah dan Sarawak di kawasan pedalaman.

"Hidayah itu milik Allah. Meskipun ramai yang menyatakan rasa senang dan gembira dengan kehadiran kami sekeluarga ke kampung mereka, tetapi tidak semestinya mereka mahu

memeluk Islam.

"Saya tidak berputus asa walaupun usaha berdakwah sejak 2014 hingga kini hanya berjaya mengislamkan tidak sampai 20 orang manakala isteri hanya seorang kerana saya yakin hidayah itu milik Allah," katanya ketika ditemui, di sini, semalam.

Mohammad Hakimi berasal dari Kampung Kerunai, di sini, manakala isterinya dari Rawang, Selangor

menghadiri program dakwah sekurang-kurangnya lima kali sebulan.

Terbaru, dia bersama isteri dan anak berdakwah ke perkampungan berkenaan dengan memberi pengetahuan agama, mengajar cara bersolat, bersuci dan mengajar al-Quran. Alhamdulillah, kini hampir semua mereka menyambut baik kedatangan kami itu," katanya.

Mohammad Hakimi memiliki Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dari Universiti Al-Azhar, Mesir manakala Nurul Atiqah mempunyai Ijazah Sarjana Muda Sains

kali disebabkan penduduk di situ masih kurang pengetahuan agama termasuk tidak tahu cara mengerjakan solat, membaca al-Quran dan bersuci.

"Kami tiga beranak sudah mesra dengan penduduk di situ dan sayangkan akidah mereka yang masih rapuh serta dikhuatiri akan balik ke pegangan asal mereka atau tiada pegangan agama.

"Justeru, kami berulang ke perkampungan berkenaan dengan memberi pengetahuan agama, mengajar cara bersolat, bersuci dan mengajar al-Quran. Alhamdulillah, kini hampir semua mereka menyambut baik kedatangan kami itu," katanya.

Perhutanan dari Universiti Putra Malaysia (UPM).

Dia pada mulanya belajar berdakwah daripada guru-nya, Mohd Fadli Yusof serta turut mendapat bimbingan dan tunjuk ajar daripada pegawai Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk).

Mohammad Hakimi yang kini menyampaikan dakwah melalui Kembara Syahadah Resources berkata, antara cabaran lain yang perlu dihadapi ialah kekurangan dana untuk bergerak lebih aktif terutama ke Sabah dan Sarawak.

Katanya, hampir RM10,000 sebulan diperlukan untuk menjalankan misi dakwah termasuk bagi membawa barang keperluan untuk diagihkan kepada masyarakat di lokasi berkenaan dan berharap sumbangan orang ramai dalam bersama-sama melaksanakan usaha dakwah.

FAKTA
Hampir RM10,000 sebulan diperlukan untuk menjalankan misi dakwah